

02/03/2002

Seminar mengenai mata wang dinar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) akan menganjurkan seminar sehari bertajuk "Dinar: Ke Arah Pemantapan Ekonomi Ummah" pada 16 Mac ini di Hotel Nikko di sini.

KUIM dalam satu kenyataan berkata, seminar itu bertujuan mendalami sistem kewangan dan pertukaran yang diguna pakai pada zaman Rasulullah dan sahabat serta membentang, meneliti dan membincangkan isu berkaitan penggunaan mata wang dinar.

Ia juga bertujuan merangka satu mekanisme bagi menjadikan dinar sebagai mata wang tunggal dunia Islam seterusnya mencari idea dan kaedah terbaik dalam melaksanakan penggunaan dinar dalam sistem ekonomi dan kewangan dunia.

Penganjuran seminar itu sejajar saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini yang mencadangkan alternatif bagi mengatasi masalah ketidakstabilan ekonomi antarabangsa berikutan penggantungan kepada dolar Amerika sebagai mata wang tunggal perdagangan.

Seminar itu akan dirasmikan Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Shafie Mohd Salleh. Pengerusi Lembaga Pengarah KUIM Datuk Dr Yusof Noor dan Rektor KUIM Datuk Dr Abdullah Muhammad Zin juga dijangka hadir.

Antara kertas kerja yang akan dibentangkan ialah Sejarah Penggunaan Mata Wang Dinar oleh Pensyarah Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Amat @ Anwar Zainal Abidin dan Penggunaan Mata Wang Dinar Dalam Era Globalisasi oleh Naib Presiden E-Dinar Limited, Umar Azmon Amir Hassan.

Setiap peserta dikenakan bayaran RM100. Mereka yang berminat boleh menghubungi talian 03-4289 2130/2131/2179 atau laman [www.kuim.edu.my/dinar](http://www.kuim.edu.my/dinar).

(END)